



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**PENJAJARAN KURIKULUM
BAGI KEGUNAAN
PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH**

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS (KSSRPK)**

DAN

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS (KSSMPK)**

KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Objektif.....	1
Konsep Penjajaran Kurikulum.....	2
Proses Pelaksanaan Penjajaran Kurikulum.....	3
Pelaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	5
Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	5
Penutup.....	5
Soalan Lazim.....	6
Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran.....	9

1.1 Pengenalan

Panduan Penjajaran Kurikulum Bagi Kegunaan Pembukaan Semula Sekolah ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada guru Pendidikan Khas menjajarkan kandungan kurikulum bagi tempoh baki persekolahan setelah sekolah dibuka semula. Panduan ini boleh digunakan di Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Bagi Program Pendidikan Inklusif (PPI) guru boleh menggunakan pakai penjajaran kurikulum arus perdana (KSSR dan KSSM). Penjajaran kandungan kurikulum yang disediakan diharap dapat membantu guru Pendidikan Khas dalam merangka aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah/pembelajaran di rumah. Guru digalakkan menggunakan pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan PdP dalam bilik darjah dan luar bilik darjah/pembelajaran di rumah. Pembelajaran dalam bilik darjah boleh dilaksanakan secara bersemuka manakala pembelajaran luar bilik darjah/pembelajaran di rumah boleh dilaksanakan secara dalam talian dan pembelajaran sendiri berstruktur. Penjajaran kurikulum ini juga memberi ruang kepada guru Pendidikan Khas untuk melaksanakan kurikulum secara fleksibel seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. **Panduan ini dibaca bersama-sama Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Jun 2020) dan Garis Panduan Pengurusan Murid Berkeperluan Khas (Julai 2020).**

1.2 Objektif

Panduan ini disediakan bagi mencapai objektif berikut:

- 1.2.1 Menjelaskan konsep penjajaran kurikulum Pendidikan Khas;
- 1.2.2 Menjajarkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) mengikut Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap;
- 1.2.3 Menjajarkan SK dan SP mengikut kesesuaian jumlah waktu PdP;
- 1.2.4 Menjelaskan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang boleh dilaksanakan secara fleksibel.

1.3 Konsep Penjajaran Kurikulum

SK dan SP disusun semula berdasarkan jumlah jam minimum setiap mata pelajaran berdasarkan tempoh persekolahan yang telah dipinda. Jumlah jam minimum yang diwajibkan adalah berbeza mengikut keperluan mata pelajaran. SK dan SP diwajibkan berdasarkan tiga Kluster Kandungan (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Kluster Kandungan

Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
<p>Pengetahuan, kemahiran dan nilai asas yang mesti dikuasai terlebih dahulu sebelum meneruskan pembelajaran seterusnya. Semua perkara ini boleh direntas dan disepadu dalam semua mata pelajaran Pendidikan Khas berdasarkan keupayaan murid dan disokong oleh peralatan khas yang sesuai. Kandungan kurikulum ini perlu dilaksanakan dengan bimbingan guru.</p>	<p>Pengetahuan, kemahiran dan nilai asas yang berbentuk pengayaan kepada pengetahuan asas. Kandungan kurikulum ini boleh dilaksanakan menggunakan kaedah lain dengan bimbingan guru atau secara sendiri, boleh dipelajari secara merentas mata pelajaran. Boleh dilangkau dan dilaksanakan kemudian tanpa menjejaskan konsep kandungan. Mengutamakan aktiviti secara amali dan pengulangan. Boleh disepadukan dalam aktiviti harian bagi pembelajaran bermakna.</p>	<p>Pengetahuan, kemahiran dan nilai asas yang melengkap atau mengharmonikan pengetahuan asas. Kandungan kurikulum ini boleh dilaksanakan menggunakan kaedah lain dengan bimbingan guru atau secara sendiri. Boleh dipelajari secara merentas mata pelajaran. Boleh dilangkau dan dilaksanakan kemudian tanpa menjejaskan konsep kandungan. Murid perlu didedahkan dengan situasi sebenar dalam kehidupan harian melalui aktiviti di luar bilik darjah atau di rumah.</p>

Dalam menjajarkan SK dan SP, guru perlu memberi keutamaan kepada kandungan yang perlu dan amat penting sebagai Kandungan Asas. Kandungan Asas ini perlu diselesaikan supaya tidak menjejaskan penguasaan konsep bidang ilmu mata pelajaran tersebut. Sekiranya jadual waktu tidak membolehkan semua Kandungan Asas diselesaikan di sekolah, kandungan tersebut boleh dijalankan di luar bilik darjah/pembelajaran di rumah secara dalam talian dan pembelajaran sendiri berstruktur.

Cadangan jumlah jam minimum setahun yang telah dijajarkan bagi menampung minggu baki persekolahan bagi semua mata pelajaran KSSRPK dan KSSMPK adalah seperti dalam **Peruntukan Masa Minimum Penjajaran Kurikulum Bagi Kegunaan Pembukaan Semula Sekolah Tahun 2020.**


1.4 Proses Pelaksanaan Penjajaran Kurikulum

Dalam melaksanakan penjajaran kurikulum, guru boleh melaksanakan proses penjajaran seperti berikut:

- 1.4.1 Menjajarkan kandungan kurikulum mata pelajaran berdasarkan Jadual 1: Kluster Kandungan. Guru boleh merujuk kepada contoh Dokumen Penjajaran KSSRPK Tahun Satu dan Lima serta KSSMPK Tingkatan Tiga yang disediakan.
- 1.4.2 Mengaplikasikan konsep pendekatan modular dalam PdP;
- 1.4.3 Merancang semula Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) berdasarkan kesesuaian keperluan semasa;
- 1.4.4 Menyediakan penyesuaian dan akomodasi kepada murid yang memerlukan sokongan maksimum berasaskan keperluan dan potensi individu mereka. (Rujuk Rajah 1: Carta Alir Proses Penjajaran Kurikulum Pendidikan Khas);
- 1.4.5 Melaksanakan KSSRPK dan KSSMPK secara terbuka tanpa perlu mengambil kira kandungan mengikut tahun kerana keupayaan dan potensi MBK adalah pelbagai; dan
- 1.4.6 Merancang strategi yang bersesuaian termasuk aktiviti intervensi melalui RPI dengan mengambilkira perkembangan diri, umur fizikal (chronological age) dan umur mental murid yang berbeza.

Proses penjajaran kurikulum yang dicadangkan ini diharapkan dapat membantu guru merancang aktiviti PdP.

CARTA ALIR PROSES PENJAJARAN KURIKULUM PENDIDIKAN KHAS



- Ambil kira jam minimum
- 3 Kluster Kandungan
- PdP dalam bilik darjah (secara bersemuka)
- PdP luar bilik darjah /pembelajaran di rumah (dalam talian & pembelajaran sendiri berstruktur.
- Mata pelajaran yang dimodularkan
- pendekatan modular
- kapasiti guru
- kapasiti kelas
- Rancang semula RPT
- RPH
- RPI
- PBD
- PdP dalam bilik darjah (secara bersemuka)
- PdP luar bilik darjah /pembelajaran di rumah (dalam talian & pembelajaran sendiri berstruktur.
- PBD
- Refleksi
- Formatif
- Sumatif
- Pelaporan
- Template pelaporan
- Laporan RPI
- Sambung PdP seterusnya

1.5 Pelaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Dalam melaksanakan PdP, guru boleh:

- i) Menggunakan kandungan mata pelajaran yang diwajibkan.
- ii) Menggunakan strategi PdP berasaskan pembelajaran teradun dengan menggabungkan aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah. Guru boleh melaksanakan pembelajaran dalam talian dan pembelajaran sendiri berstruktur.
- iii) Melaksanakan aktiviti PdP di dalam dan di luar bilik darjah berfokus kepada pembelajaran sendiri sama ada di sekolah atau di rumah.
- iv) Menyediakan bahan bantu belajar berserta dengan panduan bagi memudahkan murid dalam proses pembelajaran sendiri.
- v) Melaksanakan aktiviti PdP secara '*team-teaching*' melalui perkongsian bahan dan kaedah instruksional yang bersesuaian.

1.6 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Guru boleh melaksanakan pentaksiran bilik darjah secara formatif dan sumatif menggunakan kaedah bertulis, lisan atau pemerhatian. Guru perlu menyediakan pelbagai kaedah dan instrumen yang ringkas dan mudah untuk merekod kemajuan dan tahap penguasaan murid. Pentaksiran tersebut boleh juga dilaksanakan dengan kerjasama pihak ibu bapa/penjaga melalui instrumen dan panduan yang disediakan oleh guru. Guru boleh mengambil kira penilaian sendiri, penilaian rakan sebaya dan penilaian ibu bapa/penjaga yang bersifat lebih terbuka dalam pelbagai kaedah sebagai sebahagian daripada PBD.

1.7 Penutup

Penyediaan Garis Panduan Penjajaran Kurikulum Pembukaan Semula Sekolah diharapkan dapat membantu guru Pendidikan Khas dalam melaksanakan proses PdP secara berterusan. Panduan pelaksanaan kurikulum ini perlu mendapat kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa/penjaga untuk merealisasikan hasrat Kurikulum Pendidikan Khas.

SOALAN LAZIM

Soalan 1:

Apakah tujuan Garis Panduan Penjajaran Kurikulum Pembukaan Semula Sekolah disediakan?

Garis Panduan Penjajaran Kurikulum ini bertujuan memberi panduan kepada guru Pendidikan Khas untuk merancang penjajaran kandungan yang tertanggung sepanjang PKP bagi memenuhi sasaran KSSRPK dan KSSMPK.

Soalan 2:

Bagaimana kandungan kurikulum yang tertinggal sepanjang PKP dijajarkan?

Kandungan kurikulum mata pelajaran boleh dijajar berdasarkan kandungan asas, kandungan tambahan dan kandungan pelengkap.

Soalan 3:

Sekiranya waktu yang dicadangkan tidak dapat menampung kandungan kurikulum yang dijajarkan di sekolah, apakah tindakan yang boleh ambil?

Guru boleh melaksanakan kandungan kurikulum tersebut secara pembelajaran luar bilik darjah/pembelajaran di rumah secara dalam talian dan pembelajaran sendiri berstruktur dengan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian seperti rakaman video, manual aktiviti untuk ibu bapa/penjaga, senarai semak dan lain-lain.

Soalan 4:

Bagaimanakah kandungan kurikulum yang dijajarkan boleh dilaksanakan secara fleksibel?

Kandungan kurikulum yang dijajarkan boleh disusun secara modular dan penekanan secara amali (hands on) di sekolah dan di rumah.

Soalan 5:

Bagaimana penyesuaian perancangan PdP dengan baki persekolahan yang tinggal?

Guru perlu merancang semula Rancangan Pengajaran Tahun (RPT) dengan mengambil kira kandungan kurikulum dan jumlah waktu yang telah dijajarkan.

Soalan 6:

Bagaimana pentaksiran pembelajaran di luar bilik darjah/pembelajaran di rumah boleh dilaksanakan?

Pentaksiran pembelajaran di rumah boleh dilaksanakan secara fleksibel dan holistik dengan, mengambil kira penilaian sendiri, penilaian rakan sebaya dan penilaian ibu bapa/penjaga.

PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**1. Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3****Pendekatan Modular Bukan Linear (Dalam satu mata pelajaran)****Langkah-langkah:**

- i. Guru mengenal pasti Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) berpandukan DSKP sama ada bagi tahun yang sama atau tahun berbeza. SK dan SP yang hendak digabungkan tersebut perlu mempunyai hubung kait dari aspek konsep, kesinambungan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai.
- ii. Guru menggabungkan SK dan SP daripada DSKP Tahun 3 untuk membentuk unit modular (Rujuk Jadual 2);
- iii. Guru menentukan tempoh pelaksanaan projek dengan mengambil kira masa untuk melaksanakan bilangan aktiviti. (Rujuk Jadual 3); dan
- iv. SP di dalam kandungan asas, tambahan dan pelengkap perlu dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, sekiranya kandungan tambahan dan pelengkap tidak dapat dilaksanakan, guru hanya perlu melaksanakan kandungan asas.
- v. Guru perlu menyusun aktiviti mengikut tempoh masa tertentu dan mengambil kira ruang masa untuk murid melakukan aktiviti secara pembelajaran sendiri sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Aktiviti luar bilik darjah perlu melibatkan pembelajaran di rumah dengan bimbingan. Rujuk Jadual 2: Senarai Aktiviti Bagi Projek Membina Folio Seni.
- vi. Guru perlu menentukan SK dan SP yang akan diajarkan kepada murid, seterusnya membangunkan RPH bagi merancang strategi PdP yang berkesan di dalam kelas. Rujuk Jadual 3 dan contoh strategi PdP.

Jadual 2: Unit Modular Berasaskan Kluster Kandungan

Kandungan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Kandungan Asas	4.1 Catan 9.1 Folio Seni Halus	4.1.4 Menghasilkan catan bertemakan objek benda dengan menekankan kesan jalinan dan ton pencahayaan dengan penekanan nilai warna. 9.1.1 Mendokumentasikan hasil karya. 9.1.2 Membuat urutan penghasilan karya dalam folio seni halus. 9.1.3 Menjelaskan karya melalui penyusunan hasil mengikut kandungan tugas yang ditetapkan.
Kandungan Tambahan	4.1 Catan 9.1 Folio Seni Halus	4.1.1 Menyatakan maksud catan. 4.1.2 Menyenaraikan alat dan bahan dalam aktiviti mencatan. 4.1.6 Mempamerkan hasil karya. 9.1.4 Mempersembahkan karya dengan bahasa seni visual.
Kandungan Pelengkap	4.1 Catan	4.1.3 Menghuraikan proses dan teknik dalam aktiviti mencatan. 4.1.5 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan catan.

Jadual 3: Senarai Aktiviti Bagi Projek Membina Folio Seni

Bil.	Aktiviti/Tempoh Masa	Objektif	Catatan
1	<p><u>Tajuk: Mengenali Karya Seni Catan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid didedahkan dengan pelbagai hasil karya seni catan melalui: <ul style="list-style-type: none"> - Video - Gambar - Bahan Catan • Murid membuat pilihan karya dan menjelaskan sebab pilihan dibuat. • Murid diminta mencadangkan objek lain yang mempunyai ciri yang sama. <p style="text-align: right;">45 minit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Murid memilih karya berdasarkan kefahaman dan minat mereka. ii. Murid menerangkan dan menilai media dalam penghasilan karya melalui aktiviti catan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Guru menyediakan video, gambar dan bahan. ii. Murid melakukan aktiviti secara sendiri berpandukan video. iii. Guru menyediakan manual dan kertas tugas. iv. Guru melantik ketua kumpulan.
2	<p><u>Tajuk: Demonstrasi Proses Hasil Karya Seni Catan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid menonton demonstrasi menghasilkan karya catan melalui video. ii. Murid menyusun kad mengikut langkah seperti yang ditayangkan. iii. Murid memilih kad gambar alatan berdasarkan peralatan yang digunakan. <p style="text-align: right;">45 minit</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Murid mengenal pasti langkah dalam menghasil karya catan. ii. Murid mengenal pasti alatan yang boleh digunakan dalam menghasilkan karya catan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Guru menyediakan video, kertas tugas, kad serta gambar. ii. Murid melakukan tugas secara berkumpulan. iii. Guru melantik ketua kumpulan.
3	<p><u>Tajuk: Penghasilan Karya Seni Catan Menggunakan Bahan Yang Disediakan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid menghasilkan karya seni catan menggunakan bahan dan manual yang disediakan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Murid menghasilkan karya seni catan menggunakan bahan yang disediakan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Guru menyediakan manual lengkap dengan set peralatan untuk menghasilkan karya seni catan ii. Murid menyiapkan tugas berdasarkan manual dengan bantuan ahli keluarga.

Bil.	Aktiviti/Tempoh Masa	Objektif	Catatan
	ii. Murid mengikut langkah dalam manual. iii. Murid menghasilkan karya bersama ahli keluarga: aktiviti keluarga 60 minit		iii. Ibu bapa/penjaga boleh merakamkan aktiviti atau menyimpan hasil tugas untuk diserahkan kepada guru.
4	<p><u>Tajuk: Penghasilan Karya Seni Catan Bersama Keluarga</u></p> i. Murid merancang bersama rakan kumpulan atau ibu bapa/penjaga untuk menghasilkan karya seni catan dengan langkah berikut: - Menentukan tema - Mengenal pasti peralatan ii. Murid memilih karya seni catan daripada majalah atau video dan memberikan pendapat. 90 minit	i. Murid menghasilkan karya seni catan.	i. Guru menyediakan senarai semak. ii. Guru membantu menyediakan bahan dan peralatan

Contoh Strategi PdP:

Mata Pelajaran: Pendidikan Seni Visual

Tingkatan: 3

Tajuk: Hasil Karya Seni Catan

Standard Kandungan: 4.1 Catan
9.1 Folio Seni Halus

Standard Pembelajaran:

4.1.1 Menyatakan maksud catan

4.1.2 Menyenaraikan alat dan bahan dalam aktiviti mencatan.

9.1.3 Menjelaskan karya melalui penyusunan hasil mengikut kandungan tugas yang ditetapkan

Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat:

- i. Memilih karya berdasarkan kefahaman dan minat.
- ii. Menerangkan dan menilai media dalam penghasilan karya melalui aktiviti catan.

Aktiviti

1. Mempamerkan hasil karya seni halus dengan menggunakan bahan berwarna atau cat yang disapu ke atas sesuatu permukaan yang rata.
1. Membincangkan mengenai hasil karya tersebut dengan mengaitkan bahasa seni visual.
2. Membezakan antara karya seni halus lukisan dan catan.
3. Menyenaraikan media catan.
4. Bersoal jawab mengenai proses dan teknik dalam aktiviti catan.
5. Menghasilkan catan bertemakan objek benda – menggambar.
6. Membuat sapuan warna basah ke atas permukaan kertas yang kering untuk menghasilkan kesan legap. Aplikasikan teknik basah atas kering menggunakan cat air .
7. Membuat campuran warna. Kertas hendaklah kering dan sapuan berus yang spontan adalah digalakkan.
8. Warna disapu ke atas kertas lukisan yang kering. Mulakan dengan lapisan yang nipis dan ditindih berperingkat-peringkat dengan ton yang semakin gelap. Untuk mendapatkan kesan transparansi, basahkan berus dan celup ke dalam warna yang cair, sapu di atas kertas lukisan.
9. Biarkannya kering dan ulangi aktiviti yang sama.
10. Menceritakan tentang hasil karya.
11. Membuat folio seni halus berdasarkan kajian seni halus catan.

Refleksi:

Cadangan Senarai Semak

Nama:

Tingkatan:

Tarikh:

Bil	Aktiviti	Ya	Tidak
Mengenali Karya Seni Catan			
1.	Murid berminat dan suka melihat video		
2.	Murid boleh memilih karya seni catan		
3.	Murid boleh memberikan pendapat		
4.	Murid boleh bercerita tentang apa yang telah mereka tonton		
Demonstrasi Penghasilan Karya Seni Catan			
1.	Murid boleh memilih media yang sesuai.		
2.	Murid boleh memilih proses yang betul.		
3.	Murid boleh memilih teknik yang betul.		
4.	Murid boleh memilih urutan tajuk.		
Penghasilan Karya Seni Catan Menggunakan Bahan Yang Disediakan			
1.	Murid boleh meneroka idea secara kreatif melalui media dalam penghasilan karya.		
2.	Murid boleh meneroka idea secara kreatif melalui proses dalam penghasilan karya.		
3.	Murid boleh meneroka idea secara kreatif melalui teknik dalam penghasilan karya.		
4.	Murid boleh meneroka idea secara kreatif melalui teknik dalam penghasilan folio seni halus.		
Penghasilan Karya Seni Catan Bersama Keluarga			
1.	Murid boleh mempamerkan hasil karya.		
2.	Murid boleh bercerita mengenai hasil karya.		
3.	Murid menghargai karya seni.		

2. KSSRPK Bahasa Isyarat Komunikasi Tahun 5 dan Bahasa Melayu (Suaian) Tahun 5

Pendekatan Modular Bukan Linear

Langkah-langkah:

- i. Guru mengenal pasti SK dan SP berpandukan DSKP sama ada bagi tahun yang sama atau tahun berbeza. SK dan SP yang hendak digabungkan tersebut perlu mempunyai hubung kait dari aspek konsep, kesinambungan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai.
- ii. Gabungan SK dan SP daripada DSKP dua mata pelajaran Tahun 5 ini akan membentuk unit modular berkenaan bagi mencapai sasaran keberhasilan bagi projek yang dirancang. Jadual 4 menunjukkan unit modular dari kluster kandungan bagi projek membina menu restoran keluarga. Kandungan asas berkenaan kemahiran berisyarat untuk memberi respons dan berkomunikasi serta boleh menulis perkataan yang diisyarat perlu dikuasai oleh murid sebelum meneruskan pembelajaran ke tahap yang lebih tinggi. SK dan SP bagi dua mata pelajaran ini menyokong dan saling melengkapi supaya murid mampu berisyarat dan boleh menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.
- iii. Guru menentukan tempoh pelaksanaan projek dengan mengambil kira masa untuk melaksanakan bilangan aktiviti. (Rujuk Jadual 5); dan
- iv. SP di dalam kandungan asas, tambahan dan pelengkap perlu dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, sekiranya kandungan tambahan dan pelengkap tidak dapat dilaksanakan, guru hanya perlu melaksanakan kandungan asas.
- v. Guru perlu menyusun aktiviti mengikut tempoh masa tertentu dan mengambil kira ruang masa untuk murid melakukan aktiviti secara pembelajaran sendiri sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Aktiviti luar bilik darjah perlu melibatkan pembelajaran di rumah dengan bimbingan. Rujuk Jadual 4: Senarai Aktiviti Bagi Projek Membina Menu Restoran Keluarga.
- vi. Guru perlu menentukan SK dan SP yang akan diajarkan kepada murid, seterusnya membangunkan RPH bagi merancang strategi PdP yang berkesan di dalam kelas. Rujuk Jadual 5 dan contoh strategi PdP.

Jadual 4: Unit Modular Berasaskan Kluster Kandungan

Kandungan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Kandungan Asas	<p>BIK</p> <p>1.1 Menterjemah isyarat dalam bentuk ejaan jari dan tulisan.</p> <p>3.1 Berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat.</p> <p>BM (Suaian)</p> <p>1.1 Mendengar atau mengecam isyarat serta memberikan respons semasa berkomunikasi dalam situasi formal dan tidak formal.</p> <p>5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks.</p>	<p>BIK</p> <p>1.1.1 Mengecam, mengenal pasti dan menterjemah sesuatu isyarat tangan perkataan kepada bentuk ejaan jari dan tulisan berdasarkan tema.</p> <p>3.1.1 Berisyarat untuk menyampaikan dan menerima maklumat dalam pelbagai situasi.</p> <p>3.1.2 Berisyarat untuk bertukar pendapat dalam perbincangan.</p> <p>BM (Suaian)</p> <p>1.1.1 Mendengar atau melihat, mengecam sebutan atau isyarat dan menyebut atau mengisyarat semula ujaran yang terdapat dalam situasi formal.</p> <p>1.1.2 Mendengar atau melihat, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam situasi formal.</p> <p>5.3.1 Memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat mengikut konteks.</p>
Kandungan Tambahan	<p>BIK</p> <p>2.1 Menyampaikan maklumat atau idea bagi pelbagai tujuan.</p> <p>BM (Suaian)</p> <p>1.2 Bertutur atau berisyarat untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.</p>	<p>BIK</p> <p>2.1.1 Menyampaikan dan menerangkan sesuatu maklumat daripada perkataan, teks dan bahan grafik dalam pelbagai situasi.</p> <p>BM (Suaian)</p> <p>1.2.2 Bertutur atau berisyarat untuk menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat yang dikenal pasti dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.</p>
Kandungan Pelengkap	<p>BIK</p> <p>3.1 Berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat.</p>	<p>BIK</p> <p>3.1.3 Berinteraksi dengan komuniti sekeliling untuk pelbagai tujuan.</p>

Kandungan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	BM (Suaian) 1.3 Bercerita dan menceritakan perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan atau isyarat yang betul.	BM (Suaian) 1.3.2 Menceritakan sesuatu perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan atau isyarat yang betul dan gaya yang sesuai.

Jadual 5: Senarai Aktiviti Bagi Projek Membina Menu Restoran Keluarga

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
1	<p><u>Tajuk: Input Makanan Kegemaran Ahli Keluarga</u></p> <p>i. Murid membina instrumen soal selidik yang mudah secara berpandu.</p> <p>ii. Murid menemu-bual semua ahli keluarga untuk mendapatkan input mengenai makanan kegemaran.</p> <p>iii. Murid menganalisis untuk mendapatkan input makanan yang digemari.</p> <p style="text-align: right;">45 minit</p>	<p>i. Murid memahami cara membuat soal selidik mudah.</p> <p>ii. Murid boleh menemubual menggunakan Bahasa isyarat.</p> <p>iii. Murid boleh bertanya.</p> <p>iv. Murid boleh mengumpul maklumat.</p>	<p>i. Guru menyediakan sample instrumen yang murid perlu lengkapkan.</p> <p>ii. Murid melakukan aktiviti secara sendiri.</p> <p>iii. Ahli keluarga bekerjasama.</p> <p>iv. Perbualan dalam Bahasa isyarat boleh dirakamkan.</p>
2	<p><u>Tajuk: Menyediakan Data Makanan Kegemaran</u></p> <p>i. Murid menyusun maklumat daripada instrumen.</p> <p>ii. Murid mengenal pasti senarai makanan kegemaran mengikut hieraki.</p> <p>iii. Murid menyediakan laporan dan membentangkan laporan menggunakan isyarat.</p> <p style="text-align: right;">45 minit.</p>	<p>i. Murid mengenal pasti cara mengira dan menyusun data.</p> <p>ii. Murid mengenal pasti dapatan dan menyediakan laporan.</p>	<p>i. Guru menyediakan format untuk murid menyusun data.</p> <p>ii. Murid melengkapkan data dan membina graf.</p> <p>iii. Pembentangan menggunakan Bahasa Isyarat.</p>

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
3	<p><u>Tajuk: Mengenal Pasti Contoh Pelbagai Bentuk Kad Menu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid mengumpul contoh kad menu restoran melalui gambar atau video. ii. Murid berbincang dengan ahli keluarga mengenai bentuk kad menu. iii. Murid memilih reka bentuk kad menu yang menarik bersama ahli keluarga. <p style="text-align: right;">60 minit</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Murid mengenal pasti reka bentuk kad menu makanan. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Guru menyediakan sampel kad menu. ii. Murid boleh melayari internet. iii. Ibu bapa boleh jadikan aktiviti keluarga untuk bantu murid.
4	<p><u>Tajuk: Menghasilkan Kad Menu Restoran Keluarga</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid merancang pemilihan jenis restoran dan makanan yang mereka akan jadikan menu. ii. Murid memilih reka bentuk kad menu untuk restoran keluarga. iii. Murid membina kad menu restoran keluarga. <p style="text-align: right;">90 minit</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Murid menghasilkan kad menu restoran keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> i. Guru menyediakan bahan seperti kertas, cardboard, warna, gunting dan pelbagai bahan. ii. Kemudahan aplikasi komputer juga boleh digunakan untuk membina kad menu tersebut.

Contoh Strategi PdP:

Mata Pelajaran	BIK dan BM(Suaian)
Tahun	5
Masa	40 Minit
Tajuk	Makanan Kegemaran Keluarga
Standard	a. Berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat
Kandungan	1.1 Mendengar atau mengecam isyarat serta memberikan respons semasa berkomunikasi dalam situasi formal dan tidak formal
Standard Pembelajaran	3.1.4 Berisyarat untuk menyampaikan dan menerima maklumat dalam pelbagai situasi 3.1.5 Berisyarat untuk bertukar pendapat dalam perbincangan 1.1.3 Mendengar atau melihat, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam situasi formal
Objektif	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat: <ol style="list-style-type: none"> i. memahami cara membuat soal selidik mudah. ii. menemubual menggunakan Bahasa isyarat iii. membina soalan. iv. mengumpul maklumat.

Aktiviti:

1. Murid diperkenalkan dengan contoh sampel kad menu restoran yang ada di sekeliling mereka.
2. Murid mencari harga lima makanan melalui kad menu yang disediakan.
3. Murid berkongsi maklumat mengenai makanan pilihan mereka. Murid memberikan alasan pemilihan makanan tersebut.
4. Murid mengenal pasti dua harga makanan yang paling mahal dalam kad menu tersebut.
5. Murid mengumpul pelbagai sampel menu restoran yang boleh didapati daripada internet atau risalah.
6. Murid membina buku skrap bagi mengumpul pelbagai sampel menu restoran.
7. Murid menggunting gambar sampel menu restoran daripada majalah.
8. Setiap murid diberikan peranan berdasarkan potensi mereka dan juga minat mereka.
9. Murid melengkapkan menu yang telah disediakan dalam bentuk draf.

3. KSSRPK (Masalah Pembelajaran) Kemahiran Hidup, Matematik dan Pengurusan Kehidupan Tahun 5

Pendekatan Modular Bukan Linear

Langkah-langkah:

- i. Guru mengenal pasti Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) berpandukan DSKP samada bagi tahun yang sama atau tahun berbeza. SK dan SP yang hendak digabungkan tersebut perlu mempunyai hubung kait dari aspek konsep, kesinambungan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai.
- ii. Gabungan SK dan SP daripada DSKP tiga mata pelajaran Tahun 5 ini akan membentuk unit modular berkenaan bagi mencapai sasaran keberhasilan bagi projek yang dirancang. Jadual 6 menunjukkan unit modular bagi projek menyediakan hidangan sarapan pagi bagi keluarga. SK dan SP bagi tiga mata pelajaran ini akan mempertingkatkan kemahiran MBK untuk berdikari melalui keupayaan mereka mengurus kehidupan harian.
- iii. Guru menentukan tempoh pelaksanaan projek dengan mengambil kira masa untuk melaksanakan bilangan aktiviti. (Rujuk Jadual 7); dan
- iv. SP di dalam kandungan asas, tambahan dan pelengkap perlu dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, sekiranya kandungan tambahan dan pelengkap tidak dapat dilaksanakan, guru hanya perlu melaksanakan kandungan asas.
- v. Guru perlu menyusun aktiviti mengikut tempoh masa tertentu dan mengambil kira ruang masa untuk murid melakukan aktiviti secara pembelajaran sendiri sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Aktiviti luar bilik darjah perlu melibatkan pembelajaran di rumah dengan bimbingan. Rujuk Jadual 6: Senarai aktiviti bagi Projek Menyediakan Sarapan Pagi Bagi Keluarga.
- vi. Guru perlu menentukan SK dan SP yang akan diajarkan kepada murid, seterusnya membangunkan RPH bagi merancang strategi PdP yang berkesan di dalam kelas. Rujuk Jadual 7 contoh strategi PdP.

Jadual 6: Unit Modular Berasaskan Kluster Kandungan

Kandungan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Kandungan Asas	<p><u>KH (Masakan)</u> 5.2 Menyediakan menu sarapan pagi.</p> <p><u>Matematik</u> 11.1 Menggunakan unit relatif untuk isi padu cecair.</p> <p><u>Pengurusan Kehidupan</u> 3.5 Pengamatan sensori motor menggunakan deria sentuh.</p>	<p><u>KH (Masakan)</u> 5.2.4 Menyediakan sarapan pagi yang ringkas.</p> <p><u>Matematik</u> 11.1.3 Menggunakan dan mempelbagaikan perbendaharaan kata isi padu cecair seperti lebih, banyak dan sedikit.</p> <p><u>Pengurusan Kehidupan</u> 3.5.1 Menyentuh dengan tangan dan menyatakan benda yang lembut, keras, kasar, licin dan kesat.</p>
Kandungan Tambahan	<p><u>KH (Masakan)</u> 2.1 Mengetahui penjagaan kebersihan.</p> <p><u>Matematik</u> 11.1 Menggunakan unit relatif untuk isi padu cecair.</p> <p><u>Pengurusan Kehidupan</u> 3.3 Mengenal alatan yang boleh mendatangkan bahaya di rumah.</p>	<p><u>KH (Masakan)</u> 2.1.1 Menyatakan kepentingan kebersihan diri, alatan dan ruang kerja.</p> <p><u>Matematik</u> 11.1.2 Membandingkan dua bekas cecair menggunakan unit bukan piawai.</p> <p><u>Pengurusan Kehidupan</u> 3.3.3 Menyatakan langkah keselamatan semasa menggunakan alatan yang boleh mendatangkan bahaya di rumah.</p>
Kandungan Pelengkap	<p><u>KH (Masakan)</u> 4.1 Mengetahui jenis bahan masakan.</p> <p><u>Matematik</u> 10.1 Menggunakan unit relatif.</p> <p><u>Pengurusan Kehidupan</u> a. Mengamal penjagaan kebersihan diri. b. Menggunakan alatan dan bahan kebersihan diri.</p>	<p><u>KH (Masakan)</u> 4.1.2 Menamakan bahan masakan: i. bahan kering ii. bahan basah</p> <p><u>Matematik</u> 10.1.2 Membanding dua atau lebih timbangan objek menggunakan unit bukan piawai.</p> <p><u>Pengurusan Kehidupan</u> 2.1.1 Menunjukkan cara menjaga kebersihan kuku, tangan dan kaki. 2.2.4 Membersihkan diri menggunakan alatan bahan kebersihan diri.</p>

Jadual 7: Senarai Aktiviti Bagi Projek Menyediakan Sarapan Pagi Bagi Keluarga

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
1	<p><u>Tajuk: Meneroka Resepi Sarapan Pagi</u></p> <p>i. Murid menyusun menu mengikut pelbagai jenis hidangan sarapan pagi dengan melihat video.</p> <p>ii. Murid menemu-bual semua ahli keluarga untuk mendapatkan input mengenai makanan kegemaran.</p> <p>iii. Murid membentangkan senarai menu kegemaran keluarga.</p> <p style="text-align: right;">45 minit</p>	<p>i. Murid mengenal pasti bahan masakan kering untuk sarapan pagi.</p> <p>ii. Murid mengenal pasti bahan masakan basah untuk sarapan pagi.</p>	<p>i. Guru menyediakan video mengenai pelbagai menu sarapan pagi.</p> <p>ii. Murid melakukan aktiviti menyusun secara sendiri menggunakan kad gambar yang disediakan.</p> <p>iii. Murid berbincang dengan ahli keluarga dan menyediakan senarai menu.</p>
2	<p><u>Tajuk: Menyediakan Resepi Sarapan Pagi</u></p> <p>i. Murid berbincang dan menentukan menu pilihan keluarga</p> <p>ii. Murid mendapatkan resepi bagi menu pilihan dengan kerjasama ibu bapa</p> <p>iii. Murid membentangkan pilihan menu lengkap dengan resepi</p> <p style="text-align: right;">45 minit</p>	<p>i. Murid mengenal pasti bahan mengikut resepi.</p> <p>ii. Murid mengenal pasti jumlah sukatan bahan mengikut resepi.</p>	<p>i. Guru menyediakan format kad menu berserta perincian resepi.</p> <p>ii. Murid berkongsi maklumat menu dan resepi.</p>
3	<p><u>Tajuk: Menyediakan Bahan Mengikut Resepi</u></p> <p>i. Murid mengumpul bahan mengikut sukatan berdasarkan resepi yang telah dipilih.</p> <p>ii. Murid berbincang bagi memastikan bahan dan sukatan yang betul mengikut resepi.</p>	<p>i. Murid mengenal pasti bahan basah dan bahan kering dalam resepi.</p> <p>ii. Murid menyelesaikan masalah sekiranya</p>	<p>i. Ibu bapa dan ahli keluarga membantu untuk merakam semasa proses murid berbincang dan mengumpul bahan mengikut sukatan yang betul.</p> <p>ii. Ibu bapa boleh jadikan aktiviti keluarga untuk bantu murid</p>

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
	<p>iii. Murid mendapatkan bahan yang tidak cukup dengan kerjasama ahli keluarga.</p> <p style="text-align: right;">45 minit</p>	<p>bahan tidak cukup mengikut resepi.</p>	
4	<p><u>Tajuk: Memasak Hidangan Sarapan Pagi Keluarga</u></p> <p>i. Murid membuat persiapan membersihkan dan memotong bahan sebelum memasak.</p> <p>ii. Murid memasak mengikut resepi dengan mematuhi langkah yang disediakan dalam manual.</p> <p>iii. Murid meminta kerjasama ibu bapa dan ahli keluarga untuk memastikan bahan dimasak dengan betul.</p> <p>iv. Murid berbincang dengan ahli keluarga mengenai hasil masakan.</p> <p style="text-align: right;">90 minit</p>	<p>i. Murid mematuhi proses memasak mengikut manual yang disediakan.</p> <p>ii. Murid menjaga kebersihan dan keselamatan semasa menggunakan peralatan memasak.</p>	<p>i. Proses kerja memasak dirakam dengan kerjasama ibu bapa.</p> <p>ii. Guru meminta murid berkongsi pengalaman memasak dengan rakan lain.</p> <p>iii. Guru dan ibu bapa membimbing murid untuk membina keyakinan diri.</p>
5	<p><u>Tajuk: Menyediakan Buku Skrap Sarapan Pagi Berkhasiat</u></p> <p>i. Murid mengumpul pelbagai menu sarapan pagi.</p> <p>ii. Murid membuat pengelasan antara menu sarapan yang sihat dan kurang sihat.</p> <p>iii. Murid mengenal pasti menu sarapan pagi kegemaran ahli keluarga.</p>	<p>i. Murid mematuhi langkah yang disediakan dalam manual untuk membina buku skrap.</p> <p>ii. Murid menggunakan kreativiti dalam membina buku skrap.</p>	<p>i. Proses membina buku skrap secara pembelajaran sendiri.</p> <p>ii. Guru dan ibu bapa membimbing murid untuk membina keyakinan diri.</p>

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
	iv. Murid menyediakan buku skrap. 90 minit		

Contoh Strategi PdP:

Mata Pelajaran	Kemahiran Hidup (Masakan), Matematik dan Pengurusan Kehidupan
Tahun	5
Tajuk	Meneroka Resepi Sarapan Pagi
Standard	4.1 Mengetahui jenis bahan masakan
Kandungan Standard	4.1.2 Menamakan bahan masakan:
Pembelajaran	i. bahan kering ii. bahan basah
Objektif	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat: i. Mengenal pasti bahan masakan basah dan kering untuk sarapan pagi.

Aktiviti:

1. Murid diperkenalkan dengan contoh sampel menu sarapan pagi pelbagai budaya.
2. Murid menyenaraikan jenis bahan masakan untuk sarapan pagi.
3. Setiap orang murid mengambil senarai bahan masakan dan sukatan yang telah disediakan.
4. Murid menggunting gambar sampel menu sarapan pagi.
5. Murid berbincang dengan ahli keluarga untuk mengenal pasti menu sarapan pagi yang digemari oleh ahli keluarga.
6. Murid menyusun kad gambar menu sarapan pagi mengikut pengelasan jenis menu tradisional atau makanan barat dengan melihat video yang memperkenalkan pelbagai sampel menu sarapan pagi.
7. Murid melengkapkan susunan gambar menu dengan meletakkan bahan utama (kering dan basah) yang digunakan dalam menu berkenaan.
8. Murid membentangkan hasil tugas mereka mengenal pasti pelbagai jenis sarapan pagi yang ada di pelbagai negara.

LEMBARAN KERJA
PROJEK JOM ALAS PERUT

Nama :

Arahan Murid : Mengkelaskan bahan masakan kering dan basah, serta menyediakan wang dengan bersamaan nilai barang tersebut.

Bahan Masakan Kering	Harga (RM)	Bahan Masakan Basah	Harga (RM)
1.		1.	
2.		2.	
3.		3.	
4.		4.	
5.		5.	
JUMLAH		JUMLAH	

4. KSSMPK Matematik Tingkatan 1 dan 2, serta Bahasa Melayu Komunikasi Tingkatan 2

Pendekatan Modular Bukan Linear

Langkah-langkah:

- i. Guru mengenal pasti Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) berpandukan DSKP samada bagi tahun yang sama atau tahun berbeza. SK dan SP yang hendak digabungkan tersebut perlu mempunyai hubung kait dari aspek konsep, kesinambungan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai.
- ii. Gabungan SK dan SP daripada DSKP tiga mata pelajaran Tingkatan Satu dan Dua ini akan membentuk unit modular berkenaan bagi mencapai sasaran keberhasilan atau outcome projek/aktiviti yang dirancang. Jadual 8 menunjukkan unit modular bagi aktiviti simulasi transaksi membeli belah. SK dan SP bagi tiga mata pelajaran ini akan mempertingkatkan kemahiran MBK untuk berdikari melalui keupayaan mereka mengurus aktiviti seharian. Kandungan asas mengenai nombor perpuluhan dan wang perlu difahami dan dikuasi murid supaya mereka berupaya untuk melakukan transaksi membeli belah.
- iii. Guru menentukan tempoh pelaksanaan projek dengan mengambil kira masa untuk melaksanakan bilangan aktiviti. (Rujuk Jadual 9); dan
- iv. SP di dalam kandungan asas, tambahan dan pelengkap perlu dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, sekiranya kandungan tambahan dan pelengkap tidak dapat dilaksanakan, guru hanya perlu melaksanakan kandungan asas.
- v. Guru perlu menyusun aktiviti mengikut tempoh masa tertentu dan mengambil kira ruang masa untuk murid melakukan aktiviti secara pembelajaran sendiri sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Aktiviti luar bilik darjah perlu melibatkan pembelajaran di rumah dengan bimbingan. Rujuk Jadual 8: Senarai Aktiviti Membeli Belah.
- vi. Guru perlu menentukan SK dan SP yang akan diajarkan kepada murid, seterusnya membangunkan RPH bagi merancang strategi PdP yang berkesan di dalam kelas. Rujuk Jadual 9 contoh strategi PdP.

Jadual 8: Unit Modular Berasaskan Kluster Kandungan

Kandungan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Kandungan Asas	<p><u>Matematik Tingkatan 2</u> 1.1 Nombor Perpuluhan.</p> <p><u>Bahasa Melayu Komunikasi</u> 2.1 Membaca, memahami makna perkataan, rangkai kata dan istilah serta maksud ungkapan dan ayat.</p>	<p><u>Matematik Tingkatan 2</u> 1.1.1 Menyebut, membaca dan menulis sebarang nombor perpuluhan.</p> <p><u>Bahasa Melayu Komunikasi</u> 2.1.2 Membaca dan memahami makna: i. perkataan ii. rangkai kata istilah.</p>
Kandungan Tambahan	<p><u>Matematik Tingkatan 1</u> 3.1 Nilai wang. 3.2 Operasi asas nilai wang.</p> <p><u>Matematik Tingkatan 2</u> 1.1 Nombor Perpuluhan.</p> <p><u>Bahasa Melayu Komunikasi</u> 2.2 Membaca, memahami dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bahan bukan sastera.</p>	<p><u>Matematik Tingkatan 1</u> 1.1.3 Menyebut nilai wang dalam sebutan Ringgit Malaysia. 3.2.1 Menambah dan menolak nilai wang dalam situasi harian.</p> <p><u>Matematik Tingkatan 2</u> 1.1.3 Membanding nilai dua nombor perpuluhan. 1.2.5 Menyelesaikan masalah harian melibatkan operasi asas nombor perpuluhan dengan menggunakan kalkulator.</p> <p><u>Bahasa Melayu Komunikasi</u> 2.2.2 Menerangkan isi bahan bukan sastera yang dibaca. 2.2.3 Mengenal pasti isi bahan bukan sastera yang dibaca.</p>
Kandungan Pelengkap	<p><u>Matematik Tingkatan 1</u> 3.1 Nilai wang. 3.2 Operasi asas nilai wang.</p> <p><u>Matematik Tingkatan 2</u> 1.2 Operasi asas nombor perpuluhan.</p>	<p><u>Matematik Tingkatan 1</u> 1.1.3 Menyebut nilai wang dalam sebutan Ringgit Malaysia. 3.2.1 Menambah dan menolak nilai wang dalam situasi harian.</p> <p><u>Matematik Tingkatan 2</u> 1.2.2 Melakukan operasi tolak yang melibatkan dua nombor perpuluhan. 1.2.5 Menyelesaikan masalah harian melibatkan operasi asas nombor perpuluhan dengan menggunakan kalkulator.</p>

Kandungan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
	<p>Bahasa Melayu Komunikasi</p> <p>1.4 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.</p>	<p>Bahasa Melayu Komunikasi</p> <p>1.4.2 Menyalurkan maklumat dalam bentuk ucapan ringkas dengan intonasi yang betul dengan menggunakan ayat lengkap.</p>

Jadual 9: Senarai Aktiviti Membeli Belah.

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
1	<p>Tajuk: Nombor perpuluhan.</p> <p>i. Murid menyebut nombor perpuluhan yang ditunjukkan dengan bimbingan guru.</p> <p>ii. Murid kenal pasti nombor perpuluhan dalam pelbagai konteks seperti kewangan, ukuran panjang dan sebagainya.</p> <p>iii. Murid memadankan nombor perpuluhan dengan kad perkataan.</p>	<p>i. Menyebut/mengisyarat nombor perpuluhan hingga dua tempat perpuluhan.</p> <p>ii. Membaca/mengisyarat nombor perpuluhan dengan betul.</p> <p>iii. Mengenal pasti nombor perpuluhan dalam pelbagai konteks.</p>	<p>i. Guru memperkenalkan murid nombor perpuluhan dalam pelbagai konteks.</p>
2.	<p>Tajuk: Main Peranan</p> <p>i. Simulasi aktiviti membeli belah.</p> <p>ii. Murid memainkan peranan sebagai pembeli dan penjual.</p> <p>iii. Murid mendapatkan maklumat harga barangan, contohnya RM2.50.</p>	<p>i. Membezakan nilai dua nombor perpuluhan.</p> <p>ii. Mengenal pasti maklumat tanda harga.</p> <p>iii. Aplikasi pengetahuan nombor perpuluhan dalam konteks nilai wang.</p>	<p>i. Guru menyediakan dialog/panduan aktiviti main peranan.</p> <p>ii. Guru membimbing murid untuk kenal pasti harga barangan.</p>
3.	<p>Tajuk: Main Peranan</p> <p>i. Murid mengenal pasti satu barangan keperluan harian untuk dibeli.</p> <p>ii. Murid mengenal pasti harga barang tersebut.</p> <p>iii. Murid membuat perkiraan baki wang sebelum membuat pembelian.</p>	<p>i. Melakukan operasi tolak nombor perpuluhan.</p> <p>ii. Berkomunikasi dengan ucapan ringkas dan intonasi yang betul.</p>	<p>i. Ibu/bapa atau ahli keluarga membimbing murid untuk melakukan transaksi pembelian.</p> <p>ii. Ibu/bapa atau ahli keluarga membimbing murid untuk menentukan baki wang.</p> <p>iii. Ibu/bapa atau ahli keluarga membimbing</p>

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
			murid untuk berkomunikasi semasa melakukan transaksi jual beli.

Contoh Strategi PdP:

Mata Pelajaran	Matematik
Tingkatan	2
Tajuk	1.0 Perpuluhan (Matematik) 2.0 Kemahiran Membaca/Mengisyarat (Bahasa Melayu Komunikasi)
Standard	1.1 Nombor Perpuluhan
Kandungan	2.1 Membaca, memahami makna perkataan, rangkai kata dan istilah serta maksud ungkapan dan ayat.
Standard Pembelajaran	1.1.1 Menyebut, membaca dan menulis sebarang nombor perpuluhan. 2.1.2 Membaca dan memahami makna: i. Perkataan ii. Rangkai kata istilah
Objektif	Pada akhir pembelajaran diharap murid dapat : 1. Menyebut/mengisyarat nombor perpuluhan hingga dua tempat perpuluhan. 2. Membaca/mengisyarat nombor perpuluhan dengan betul.

Aktiviti:

1. Murid melihat slaid nombor yang dipaparkan.
2. Murid menyebut nombor secara rawak nombor bulat, nombor pecahan dan nombor perpuluhan berdasarkan slaid.
3. Murid dibimbing oleh guru menyebut nombor perpuluhan dengan betul.
4. Setiap murid diedarkan kad nombor perpuluhan.
5. Setiap murid diminta menyebut nombor perpuluhan yang tertera pada kad.
6. Murid menyebut nombor perpuluhan secara individu dan berkumpulan.
7. Murid membaca nombor perpuluhan dalam kad perkataan.
8. Murid memadankan kad nombor perpuluhan dengan kad perkataan.
9. Murid membuat lembaran kerja nombor perpuluhan.
10. Murid berbincang mengenai lembaran kerja tersebut.
11. Murid mendengar ulasan guru mengenai tajuk pembelajaran.

LEMBARAN KERJA

Arahan : Murid menyebut dan membaca dengan betul. Kemudian, padankan angka dan perkataan.

1.	0.6	Dua perpuluhan kosong tujuh
2.	1.3	Empat perpuluhan enam dua
3.	2.07	Kosong perpuluhan enam
4.	5.11	Satu perpuluhan tiga
5.	4.62	Kosong perpuluhan lima enam
6.	0.56	Lima perpuluhan satu satu
		/6

5. KSSRPK (Ketidakupayaan Penglihatan) Kemahiran Asas Individu Ketidakupayaan Penglihatan dan KSSR Bahasa Malaysia Tahun 1

Pendekatan Modular Bukan Linear

Langkah-langkah:

- i. Guru mengenal pasti Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) berpandukan DSKP samada bagi tahun yang sama atau tahun berbeza. SK dan SP yang hendak digabungkan tersebut perlu mempunyai hubung kait dari aspek konsep, kesinambungan penguasaan pengetahuan, kemahiran dan penerapan nilai.
- ii. Gabungan SK dan SP daripada DSKP dua mata pelajaran Tahun Satu ini akan membentuk unit modular berkenaan bagi mencapai sasaran keberhasilan atau outcome projek yang dirancang. Jadual 10 menunjukkan unit modular bagi projek menyediakan buku skrap menjaga kebersihan diri. SK dan SP bagi dua mata pelajaran ini akan mempertingkatkan kemahiran MBK untuk berdikari melalui keupayaan mereka mengurus kehidupan harian. Kandungan asas mengenai Braille perlu difahami dan dikuasai murid supaya mereka berupaya untuk menyediakan buku skrap.
- iii. Guru menentukan tempoh pelaksanaan projek dengan mengambil kira masa untuk melaksanakan bilangan aktiviti. (Rujuk Jadual 11); dan
- iv. SP di dalam kandungan asas, tambahan dan pelengkap perlu dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, sekiranya kandungan tambahan dan pelengkap tidak dapat dilaksanakan, guru hanya perlu melaksanakan kandungan asas.
- v. SP di dalam kandungan asas, tambahan dan pelengkap perlu dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, sekiranya kandungan tambahan dan pelengkap tidak dapat dilaksanakan, guru hanya perlu melaksanakan kandungan asas. Rujuk Jadual 10: Senarai Aktiviti Bagi Projek Buku Skrap Kebersihan Diri.
- vi. Guru perlu menentukan SK dan SP yang akan diajarkan kepada murid, seterusnya membangunkan RPH bagi merancang strategi PdP yang berkesan di dalam kelas. Rujuk Jadual 11 contoh strategi PdP.

Jadual 10: Unit Modular Berasaskan Kluster Kandungan

Kandungan	Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Kandungan Asas	<p><u>KAIKuP</u> 1.3 Teknik membaca Braille 3.2 Mesin Braille</p> <p><u>Bahasa Malaysia</u> 2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik</p>	<p><u>KAIKuP</u> 1.3.1 Menggunakan teknik membaca Braille. 3.2.3 Menggunakan mesin Braille dengan betul.</p> <p><u>Bahasa Malaysia</u> 2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk mendapatkan; (i) kosa kata</p>
Kandungan Tambahan	<p><u>KAIKuP</u> 1.4 Kod Braille</p> <p><u>Bahasa Malaysia</u> 3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna.</p>	<p><u>KAIKuP</u> 1.4.1 Menulis huruf braille a hingga z. 1.4.2 Menulis angka 0 hingga 9.</p> <p><u>Bahasa Malaysia</u> 3.2.1 Membina dan menulis; (i) perkataan (ii) frasa (iii) ayat</p>
Kandungan Pelengkap	<p><u>KAIKuP</u> 3.1 Menjaga kebersihan diri dengan cara yang betul.</p> <p><u>Bahasa Malaysia</u> 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.</p>	<p><u>KAIKuP</u> 3.1.1 Menunjuk cara membasuh tangan dengan betul. 3.1.2 Menunjuk cara menggosok gigi dengan betul.</p> <p><u>Bahasa Malaysia</u> 1.2.1 Bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi secara bertatasusila.</p>

Jadual 11: Senarai Aktiviti Bagi Projek Buku Skrap Kebersihan Diri.

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
1	<p><u>Tajuk: Kebersihan Diri</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid menyebut anggota badan yang ditunjukkan guru. ii. Murid mengecam perkataan yang didengari lalu menyentuh anggota badan yang berkaitan. iii. Murid diminta mengeja dan membaca kad perkataan (Braille) seterusnya memadankan dengan gambar yang diberi. iv. Murid menceritakan cara-cara menjaga kebersihan diri dan peralatan yang selalu digunakan. v. Murid membraille perkataan anggota badan dengan ejaan yang betul. <p style="text-align: right;">30 minit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Membaca braille dengan betul. ii. Membraille dengan betul. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Guru menyediakan gambar anggota badan yang bersesuaian. Gunakan gambarajah timbul jika perlu. ii. Beri peluang murid untuk meneroka kad bergambar/gambarajah timbul untuk mengenal pasti maklumat pada kad.
2.	<p><u>Tajuk: Membersihkan diri.</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid menyediakan dan menyenaraikan bahan-bahan dan peralatan yang diperlukan untuk membersihkan diri. ii. Murid menyediakan langkah-langkah membersihkan diri. iii. Murid menerangkan serta menunjukkan cara membersihkan diri dengan betul. iv. Murid menjelaskan kepentingan menjaga kebersihan diri. <p style="text-align: right;">60 minit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyatakan bahan-bahan dan peralatan untuk membersihkan diri. ii. Menyatakan kepentingan menjaga kebersihan diri. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Ibu bapa dan ahli keluarga membantu murid untuk mendapatkan maklumat tentang bahan dan peralatan untuk membersihkan diri. ii. Ibu bapa dan ahli keluarga membantu murid untuk menguasai langkah-langkah membersihkan diri. iii. Ibu bapa dan ahli keluarga merakam proses murid berbincang dan mengumpul bahan. iv. Ibu bapa boleh jadikan aktiviti keluarga untuk bantu murid.

Bil.	Aktiviti / Tempoh Masa	Objektif	Catatan
3.	<p><u>Tajuk: Menyediakan Buku Skrap Kebersihan Diri</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Murid mengumpul bahan tentang cara membersihkan diri dan artikel tentang kepentingan menjaga kebersihan. ii. Murid membuat pengkelasan antara cara menjaga kebersihan dan kepentingan menjaga kebersihan. iii. Murid menyediakan buku skrap mengikut panduan yang disediakan oleh guru. <p style="text-align: right;">90 minit</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Murid mematuhi langkah yang disediakan dalam manual untuk menyediakan buku skrap. ii. Murid menggunakan kreativiti dalam menyediakan buku skrap. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Proses membina buku skrap secara pembelajaran sendiri. ii. Guru dan ibu bapa melatih murid untuk yakin dan boleh membuat sendiri dengan bimbingan.

Contoh Strategi PdP:

Mata Pelajaran	Kemahiran Asas Individu Ketidakupayaan Penglihatan (KAIKuP) & Bahasa Malaysia
Tahun	1
Masa	45 Minit
Tajuk	Menjaga diri KAIKuP 1.3 Teknik membaca Braille 3.2 Mesin Braille
Standard Kandungan	Bahasa Malaysia a. Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik
Standard Pembelajaran	KAIKuP 1.3.1 Menggunakan teknik membaca Braille. 3.2.3 Menggunakan mesin Braille dengan betul.
Objektif	Bahasa Malaysia 2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk mendapatkan; (i) kosa kata Pada akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat: i. Membaca braille dengan betul. ii. Membraille dengan betul.

Aktiviti:

1. Guru menyebut anggota badannya kepada murid dan murid mendengar dengan teliti.

Contoh:		
a. tangan	leher	mata
b. dahi	hidung	perut
c. mulut	badan	kaki
d. jari		
2. Murid diminta menyebut semula anggota badan yang disebutkan oleh guru secara individu, kumpulan atau kelas.
3. Murid menyebut perkataan yang berkaitan dengan anggota badan yang ditunjukkan.
4. Murid mengecam perkataan yang didengar lalu menyentuh bahagian badan masing-masing.
5. Murid menceritakan cara-cara menjaga kebersihan diri dan peralatan yang selalu digunakan.
6. Murid diminta mengeja dan membaca kad perkataan (Braille) seterusnya memadankan dengan gambar yang diberi.
7. Murid mengeja dan membaca semula perkataan yang telah disuaikan dengan gambar menggunakan sebutan yang betul.
 Catatan: Lembaran Kerja 1
8. Murid membraille perkataan anggota badan dengan ejaan yang betul.

LEMBARAN KERJA


Lembaran Kerja 1



Aktiviti 1



tangan



jari



leher



kaki



mata



mulut



hidung



dahi

